

# Gaji amah RM800 keterlaluan

B-H 8/9/09 MS 11



**C**ADANGAN kerajaan Indonesia untuk menetapkan bayaran minimum gaji pembantu rumah rakyatnya yang bekerja di Malaysia sehingga RM800 perlu dipertimbangkan semula kerana jumlah berkenaan terlalu tinggi jika diambil kira pembantu rumah mempunyai banyak keistimewaan termasuk tidak perlu menyewa rumah atau bilik.

Malah, boleh dikatakan bayaran RM400 yang ditetapkan ketika ini amat berpatutan kerana pembantu rumah dapat menyimpan bulat-bulat semua gajinya dalam sebulan berbanding majikan yang belum tentu dapat menyimpan sebanyak itu bagi tempoh sama.

Mereka tidak perlu membayar sewa rumah, bil api dan air, tiada pengangkutan ke tempat kerja kerana tinggal bersama majikan, bahkan makan

minum setiap hari semuanya ditanggung pihak majikan. Itu belum masuk peruntukan membeli peralatan seperti syampu, sabun dan ubat gigi yang lazimnya sudah disediakan majikan di rumah.

Berbeza pula jika mereka tinggal di luar berkongsi rumah dengan teman lain. Semuanya perlu disediakan sendiri, malah peruntukan untuk menyediakan segala keperluan mungkin lebih tinggi. Jika dicongak, mereka perlu memperuntukkan kira-kira RM376 sebulan (sila lihat anggaran pecahan bayaran seperti yang disediakan dalam jadual). Itu pun, anggaran berkenaan adalah bayaran minimum yang diperlukan sebulan dan mungkin jumlah itu boleh mencecah sehingga lebih RM400 sebulan kerana anggaran disediakan ini terlalu murah bagi kos sara hidup di kota.

Hakikatnya, bayaran gaji yang ditetapkan ketika ini sudah memadai jika diambil kira semua keperluan pembantu rumah sudah disediakan majikan, bak kata orang pembantu rumah

hanya perlu membawa diri.

Apatah pula tugas yang perlu dilaksanakan tidaklah seteruak jika mereka bekerja di luar. Membersih dan mengemas rumah seperti menyapu sampah, mengelap lantai serta membuang habuk bagi rumah biasa termasuk rumah dua tingkat tidaklah begitu memenatkan berbanding jika mereka bekerja di bangunan pejabat.

Malah, kebanyakan majikan memasak sendiri sebelum pergi ke

pejabat setiap pagi dan pembantu rumah hanya perlu membantu sekadar saja. Selebihnya, mereka mungkin diminta menyiram pokok bunga, menjemur dan menggosok baju, selain tugas utama, menjaga anak majikan.

Pada hujung minggu, lazimnya majikan akan mengambil alih tugas menjaga anak. Pembantu rumah juga lazimnya akan menikmati hidangan yang sama dinikmati majikan, bahkan ada ketikanya apabila majikan makan

angin, pembantu rumah turut dibawa bersama melainkan jika pembantu rumah itu sendiri enggan.

Selain itu, pihak berkenaan tidak wajar membangkitkan isu majikan di Malaysia kejam kerana yang mendera pembantu rumah hanya segelintir, tetapi kes majikan yang teraniaya apabila pembantu rumah lari dan kerugian ribuan ringgit lebih banyak berbanding pembantu rumah didera.

Ketika ini, pihak agensi hanya memberi ganti bagi kes pembantu rumah lari bagi tempoh tiga bulan pertama. Tetapi dalam kebanyakan kes, pembantu rumah menghilangkan diri selepas tempoh itu tamat menyebabkan ramai majikan yang gigit jari apabila terpaksa membayar jumlah sama, iaitu sekitar RM4,000 hingga RM5,000 sekali lagi bagi mendapatkan khidmat pembantu rumah lain.

Itu belum lagi kes pembantu rumah yang 'mengambil tanpa izin' barang majikan. Pembantu rumah yang pemalas dan kejam terhadap anak

majikan apabila majikan ke pejabat juga antara cerita yang lazim kita dengar. Tanyalah sesiapa saja yang pernah mengambil pembantu rumah, pasti ada pengalaman perit yang boleh diceritakan.

Malangnya, sehingga kini hanya isu majikan mendera pembantu rumah diperkatakan, tetapi majikan yang teraniaya tiada pembelaan. Justeru, kedua-dua belah pihak yang membuat perbincangan mengenai isu ini perlu mengambil kira semua aspek supaya kedua-dua belah pihak mendapat manfaat khususnya mengurangkan jumlah wanita yang terpaksa meninggalkan pasaran kerja kerana tiada orang menjaga anak.

Tetapi, jika benar perbincangan itu memutuskan bayaran gaji minimum ialah RM800, jangan marah jika majikan menyuruh pembantu rumah membayar sewa bilik termasuk bil api dan air, makan minum serta keperluan lain.  
- fadzlena@bharian.com.my

## Info

Anggaran minuman jumlah perlu disediakan jika tinggal sendirian (jumlah dinyatakan adalah bayaran minimum):

■ Sewa bilik/rumah - dengan mengambil kira amah berkongsi rumah	RM50
■ Pengangkutan ke tempat kerja - tambang RM1.50 x 2 kali sehari = RM3 - sebulan (22 hari tolak 4 hujung minggu) 22 hari x RM3 = RM66	RM66
■ Makan/minum - Sehari: Sarapan (RM1), tengah hari (RM3), minum petang (RM1) & malam (RM3) = RM8 - Sebulan: 30 hari x RM8 = RM240	RM240
■ Peralatan diri - sabun, syampu, ubat gigi, berus gigi dan lain-lain (diambil kadar purata)	RM20

Jumlah RM376